

8 Januari 2024

Siaran Media

YAB TUAN CHOW KON YEOW
Ketua Menteri Pulau Pinang

**GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL (SWSI) JANUARI 2024:
LORI TANGKI BERSEDIA, TANGKI AIR STATIK DIPENUHKAN**

PULAU PINANG, Isnin, 8 Januari 2024: Kesemua 99 lori tangki yang akan digunakan ketika gangguan bekalan air berjadual (SWSI) pada Januari 2024 telah bersedia sepenuhnya untuk digerakkan.

Selain itu, semua tangki statik yang telah didirikan telah diisi dengan air. Tangki ini termasuk 97 tangki statik yang didirikan oleh PBAPP (termasuk 19 “Tangki Fleksi Gajah” yang boleh menyimpan sehingga 24,000L air setiap satu) dan semua tangki lain yang disediakan oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen (MP).

Ini bermakna langkah-langkah “keterdesakan” bekalan air PBAPP untuk menangani keperluan pengguna yang terjejas oleh SWSI Januari kini berada pada tahap siap-siaga. “Keterdesakan” adalah merujuk kepada “kesukaran sesuatu situasi, terutamanya yang menyebabkan tuntutan mendesak”.

Penggunaan semua lori tangki dan tangki statik tidak dapat menggantikan “bekalan air harian biasa” kepada 590,000 pengguna terjejas. Kami memahami dan memohon maaf kepada pengguna yang terjejas di atas kesulitan terpaksa beratur untuk mengambil air pada tempoh gangguan dinyatakan. Bagaimanapun, adalah diyakini, lori tangki dan tangki statik akan memberikan sedikit kelegaan kepada pengguna yang terjejas.

Penjelasan

Sejak akhir-akhir ini, terdapat banyak berita yang dilaporkan oleh media massa dan spekulasi di media sosial mengenai SWSI Januari 2024. Izinkan saya membuat beberapa penjelasan penting untuk manfaat semua pengguna air di Pulau Pinang:

Penjelasan 1: Peruntukan lori tangki dan tangki air statik PBAPP TIDAK diutamakan mengikut kawasan negeri dan/atau parlimen.

Beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen (MP) telah memohon supaya peruntukan yang lebih baik diberikan kepada kawasan masing-masing dalam menangani isu ini. Walaupun kami memahami komitmen mereka untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kawasan seliaan masing-masing, “peruntukan” lori tangki dan tangki statik telah dirancang secara seimbang berdasarkan tiga (3) faktor utama berikut:

- Permintaan air dan bilangan pengguna di kawasan perkhidmatan PBAPP. Perlu diingat bahawa PBAPP adalah operator bekalan air negeri yang mempunyai lesen untuk berkhidmat di seluruh negeri Pulau Pinang;
- Keseluruhan laluan pergerakan lori tangki yang dirancang dan lokasi stesen pengisian semula tangka;
- Pelan pemulihan perkhidmatan bekalan air empat (4) peringkat PBAPP.

Penjelasan 2: Ia BUKAN “4-hari Tiada Air” untuk majoriti pengguna air.

PBAPP telah mengumumkan pelan pemulihan bekalan air empat (4) peringkat. Mengikut rancangan itu, bekalan air untuk 33 peratus daripada 590,000 pengguna terjejas akan pulih dalam tempoh 48 jam.

Dalam 72 jam, bekalan air harus dipulihkan untuk 84 peratus daripada pengguna yang terjejas. **Ini bermakna majoriti pengguna air yang terjejas sepatutnya memperoleh bekalan air dalam tempoh tiga (3) hari atau lebih awal.**

Baki 16 peratus pengguna terjejas akan menerima bekalan air dalam tempoh 96 jam. “Pengguna terakhir” yang menerima air ialah pengguna di kawasan hujung paip agihan (EoL) dan kawasan tanah tinggi.

Penjelasan 3: SWSI Januari 2024 TIDAK akan menjejaskan seluruh negeri.

PBAPP telah mengumumkan senarai penuh kawasan yang akan terjejas akibat SWSI Januari 2024 dalam siaran media massa, risalah, siaran *Facebook* dan iklan akhbar. Senarai penuh tersedia dan boleh dilihat di laman web PBAPP.

Hanya pengguna di kawasan yang disenaraikan akan terjejas. Sila rujuk kepada pengumuman rasmi dan bukannya membuat spekulasi di media sosial jika sesuatu kawasan terjejas atau tidak.

Penjelasan 4: PBAPP TIDAK mengutamakan pemulihan bekalan air untuk pelanggan terbesarnya berbanding pengguna domestik.

Terdapat turutan yang ditetapkan untuk pemulihan perkhidmatan bekalan air apabila LRA Sungai Dua “dimulakan semula” selepas penutupan. Turutan ini adalah berdasarkan konfigurasi infrastruktur bekalan air Pulau Pinang dan jarak dari LRA Sungai Dua.

Pada peringkat pertama proses pemulihan bekalan air, kawasan yang paling hampir dengan LRA Sungai Dua di Seberang Perai akan menerima bekalan air mendahului

kawasan lain. Oleh itu, kebanyakan kawasan di Seberang Perai akan “dipulihkan” pada jam 6 pagi pada 12.1.2024.

Pada peringkat kedua pemulihan, kawasan yang paling hampir dengan kompleks kolam air dan Rumah Pam Bukit Dumber di Pulau Pinang akan mula menerima bekalan air. Sebaik sahaja kemudahan Bukit Dumber beroperasi sepenuhnya, George Town dan kebanyakan kawasan di Daerah Barat Daya (Daerah Barat Daya atau DBD) akan mengalami “pemulihan” pada jam 6 pagi pada 13.1.2024.

Peringkat ketiga pemulihan tertumpu kepada kawasan perkhidmatan Rumah Pam Bukit Gedung dan Teluk Kumbar. Apabila kedua-dua rumah pam beroperasi sepenuhnya, hampir semua kawasan selatan Pulau Pinang akan "dipulihkan" dan kita akan mencapai pemulihan 99.5 peratus menjelang 6 pagi pada 14.1.2024.

Pada peringkat pemulihan keempat dan terakhir, PBAPP perlu menangani isu di hujung paip agihan (EoL) dan kawasan kejiranan tanah tinggi spesifik, seperti tekanan pam sedutan rendah di bangunan tertentu atau tangki air bertingkat.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my